

D767

U B280 AAB

KABINET- PELANCONGAN

KUALA LUMPUR, 30 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TELAH MENGAMBILALIH Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai pelancongan yang terdahulu daripada ini diketuai oleh bekas Timbalannya Datuk Musa Hitam.

Menteri Penerangan Datuk Rais Yatim berkata kabinet diberitahu mengenai pengambilalihan itu pada Mesyuarat Mingguannya hari ini.

Katanya jumlah anggota Jawatankuasa dikekalkan. Mereka termasuk Menteri Perdagangan dan Perindustrian Tengku Razaleigh Hamzah, beliau sendiri, Menteri Luar Tengku Ahmad Rithauddeen dan Menteri Kewangan Encik Daim Zainuddin dan beberapa pihak berkaitan dengan industri pelancongan.

Jawatankuasa itu antara lain bertanggungjawab mencari jalan atau mengemukakan cadangan untuk mempertingkatkan industri pelancongan bagi membantu ekonomi negara.

Datuk Rais berkata Perdana Menteri akan mempengerusikan Mesyuarat ketiga Jawatankuasa itu yang belum lagi ditetapkan tarikhnya, bagi membincangkan rancangan masa depan. -- BERNAMA.

1815MST 30 04 84